

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS MENANDATANGANI
PERJANJIAN RANGKAIAN COOP**

FARMASI ANTARA ANGKASA DAN KOPUTRA

3 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)

3.45 PETANG

BILIK SADIK, ANGKASA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Keluarga Malaysia

Terima kasih Pengacara Majlis
[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

Dato-Dato/Datin-Datin/Tuan-
Tuan/Puan-Puan Anggota-Anggota

Lembaga Koperasi Pelaburan
Kakitangan Bank Muamalat Malaysia
Berhad (KOPUTRA) yang dihormati
sekalian

1. Pertamanya, marilah kita
memanjatkan kesyukuran ke hadrat
Allah SWT yang mengizinkan kita untuk

hadir bersama-sama dalam Majelis Menandatangani Perjanjian Rangkaian Coop Farmasi Antara ANGKASA Dan KOPUTRA.

2. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada KOPUTRA atas

penyertaan dalam rangkaian Coop Farmasi pada hari ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Dalam usaha membawa
gerakan koperasi menceburi
perniagaan berimpak tinggi,
ANGKASA sentiasa berusaha

melakukan yang terbaik. Kita mahukan lebih banyak koperasi menjalankan aktiviti di luar kebiasaan dan pelbagai. Selain aktiviti utamanya, amatlah perlu koperasi menceburi bidang-bidang baru seperti penjagaan diri dan kesihatan yang merupakan industri yang semakin penting pada hari ini, terutama dalam suasana krisis

kesihatan/penyakit yang berlaku hari ini.

4. Masalah kesihatan yang dihadapi masyarakat semakin kronik dan kosnya sangat tinggi. Justeru, perlu penjagaan kesihatan alternatif bagi mengimbangi sektor kesihatan awam dan swasta. Koperasi adalah

institusi sosial terbaik yang diharapkan dapat menawarkan perkhidmatan kesihatan mampu bayar.

5. Oleh sebab itu, Kerajaan mengariskan penjagaan diri dan kesihatan satu bidang baru yang mempunyai prospek yang baik untuk diterokai koperasi. Ini selari dengan

dasar Kerajaan yang berusaha meningkatkan penyampaian sektor ini.

6. Dalam melengkapi keperluan masyarakat setempat, ANGKASA mempunyai model COOP Wellness yang memfokuskan produk penjagaan diri dan kesihatan. ANGKASA mengambil langkah

menceburi bidang perniagaan farmasi runcit yang dilihat amat sesuai untuk ekosistem koperasi di Malaysia melalui pemeraksanaan perniagaan farmasi di bawah rangkaian COOP Farmasi.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

7. ANGKASA memulakan perniagaan ini, bermula pada awal tahun 2020. Rangkaian COOP Farmasi adalah hasil inisiatif ANGKASA dalam membantu koperasi di seluruh Malaysia untuk menceburi bidang perniagaan farmasi di bawah jenama COOP Farmasi. Sehingga kini terdapat enam (6) buah premis COOP Farmasi

yang diwujudkan dimana empat (4) buah premis COOP Farmasi dimiliki oleh ANGKASA dan dua (2) buah lagi dimiliki oleh Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad (KOGURU) dan termasuk milik KOPUTRA di Setia Alam, Selangor. Selain daripada itu terdapat dua (2) lagi COOP Farmasi milik Koperasi akan

diwujudkan menjelang Disember 2022 iaitu Koperasi Felda Sungai Koyan III Raub Berhad dan Koperasi Majlis Perbandaran Dungun Berhad.

8. Bagi memperkasakan jaringan COOP Farmasi, perancangan sedang dilakukan ke arah untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan bagi

menggalakkan Koperasi Komuniti Farmasi di Negeri Kelantan, Kedah, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk menyertai Jaringan COOP Farmasi. Sekiranya perancangan ini membuahkan hasil, dijangkakan sebanyak 100 buah farmasi dibawah Koperasi Komuniti

Farmasi Negeri akan menyertai Jaringan COOP Farmasi.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

9. Untuk makluman, model perniagaan COOP Farmasi ini bukan hanya memfokuskan kedai fizikal, COOP Farmasi juga di peringkat

percubaan untuk mengadaptasi kemudahan digitalisasi kesihatan melalui penggunaan sistem doc2us kepada 30 orang kakitangan ANGKASA. Sistem ini membolehkan pesakit untuk berjumpa doktor atau pakar kesihatan melalui aplikasi doc2us, preskripsi ubat akan dihantar ke COOP Farmasi berdekatan secara

dalam talian dan pesakit boleh memilih untuk mengambil ubat di COOP Farmasi atau dihantar ke rumah masing – masing. Penggunaan doc2us ini dijangka boleh menjimatkan sehingga 40% daripada kos mendapatkan rawatan di klinik biasa oleh kerana tiada kos konsultasi doktor.

10. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada KOPUTRA atas penyertaan dalam jaringan rangkaian COOP Farmasi. Saya mendoakan KOPUTRA terus cemerlang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.